



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGARUH SIKAP, NORMA SUBJEKTIF DAN PERSEPSI KAWALAN TINGKAH LAKU TERHADAP PENGURUSAN SISA DOMESTIK LESTARI DI PETEMPATAN PINGGIR LAUT, KAMPUNG BUDAYA PASIR PUTIH,TAWAU



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

BORHAN BIN TAHERE

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENGARUH SIKAP, NORMA SUBJEKTIF DAN PERSEPSI KAWALAN TINGKAH
LAKU TERHADAP PENGURUSAN SISA DOMESTIK LESTARI DI PETEMPATAN
PINGGIR LAUT, KAMPUNG BUDAYA PASIR PUTIH, TAWAU**

BORHAN BIN TAHERE



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA SASTERA (GEOGRAFI)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI SAINS DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

LAMPIRAN BUPSURB/MBD/32
PAGE 15 OF 17

Sila tanda (✓)
 Kertas Projek
 Sarjana Penyelidikan
 Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kurort
 Doktor Faizalafah

<input type="checkbox"/>
<input checked="" type="checkbox"/>

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada 12 (hari bulan) 12 (bulan) 2023.

i. Perakuan pelajar:

Saya, Borhan Bin Tahere, Nombor Matrik M20201000352, Fakulti Sains dan Kemanusiaan dengan ini mengaku bahawa Disertasi yang bertajuk Pengaruh Sikap, Norma Subjektif Dan Persepsi Kawalan Tingkah Laku Terhadap Pengurusan Sisa Domestik Lestari Di Petempatan Pinggir Laut, Kampung Budaya Pasir Putih, Tawau adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Prof. Madya Dr. Ts. Nor Kalsum Md Isa dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Pengaruh Sikap, Norma Subjektif Dan Persepsi Kawalan Tingkah Laku Terhadap Pengurusan Sisa Domestik Lestari Di Petempatan Pinggir Laut, Kampung Budaya Pasir Putih, Tawau dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian / sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Sastera (Geografi).

22.12.2023
Tarikh

Tandatangan Penyelia

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES****BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PENGARUH SIKAP, NORMA SUBJEKTIF DAN PERSEPSI KAWALAN TINGKAH LAKU TERHADAP
PENGURUSAN SISA DOMESTIK LESTARI DI PETEMPATAN PINGGIR LAUT, KAMPUNG BUDAYA
PASIR PUTIH, TAWAU

No. Matrik / Matric's No.: M20201000352

Saya / I: BORHAN BIN TAHERE

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmii 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 22.12.2022(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)PROF. MADYA TS DR. NOR KALSUM BINTI MOHD ISA
DEKAN

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur kepada llahi dengan izinNya saya telah berjaya menyiapkan disertasi ini. Sepanjang kajian ini dijalankan, saya sangat menghargai segala bimbingan, panduan, bantuan, tunjuk ajar, kerjasama, sokongan dan teguran membina yang diberikan kepada saya. Ucapan terima kasih dan penghargaan kepada penyelia saya, Profesor Madya Dr. Ts. Nor Kalsum Mohd Isa yang telah banyak membimbang dan memberi tunjuk ajar serta memberi panduan sepanjang menjalankan kajian dan seterusnya menyiapkan disertasi ini. Di samping itu, terima kasih juga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung, khususnya pensyarah Fakulti Sains Kemanusiaan yang banyak memberi tunjuk ajar, En. Arifuddin Martin (Pengerusi JPKK) dan seluruh penduduk Kampung Budaya Pasir Putih Tawau yang memberi kerjasama yang sangat baik, para rakan sepengajian yang banyak berkongsi ilmu dan memberi semangat dan tidak lupa penaja utama pengajian saya pihak Kementerian Pendidikan Malaysia kerana memberi peluang kepada saya. Akhir sekali, ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua orang tua dan ahli keluarga saya yang sentiasa mendoakan dan memberi sokongan kepada saya dari awal sehingga saya berjaya menyiapkan disertasi ini.





ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk menilai pengaruh sikap, norma subjektif, persepsi kawalan tingkah laku dan niat terhadap pelaksanaan pengurusan sisa domestik secara lestari dalam kalangan penduduk di petempatan pinggir laut. Kajian ini mengadaptasi teori tingkah laku terancang yang diasaskan oleh Ajzen dan telah diberi penambahan oleh Munro. Pendekatan kuantitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian tinjauan telah digunakan dalam kajian ini. Pemilihan responden menggunakan kaedah persampelan rawak mudah yang melibatkan seramai 110 orang ketua isi rumah yang tinggal sekitar radius 50 meter dari pinggir laut di Kampung Budaya Pasir Putih, Tawau. Intrumen kajian ini menggunakan borang soal selidik yang mengandungi enam bahagian dan sebanyak 57 soalan. Data dianalisis menggunakan analisis deskriptif dan inferensi. Analisis deskriptif menjelaskan taburan kekerapan dan peratus latar belakang responden serta tahap setiap pembolehubah. Manakala analisis inferensi menggunakan analisis korelasi dan regresi yang menjelaskan hubungan antara pembolehubah. Dapatkan menunjukkan bahawa tahap sikap ($\text{min}=4.66$), norma subjektif ($\text{min}=4.28$), persepsi kawalan tingkah laku ($\text{min}=4.46$) dan pelaksanaan ($\text{min}=4.40$) penduduk berada pada tahap tinggi. Dapatkan juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan signifikan yang kuat antara sikap ($r=0.618$) dan persepsi kawalan tingkah laku ($r=0.632$), tetapi norma subjektif ($r=0.275$) didapati mempunyai hubungan yang lemah dengan niat untuk menguruskan sisa domestik secara lestari. Kajian ini juga mendapati bahawa kesemua boleh ubah mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap pelaksanaan pengurusan sisa domestik secara lestari. Kesimpulannya, tingkah laku penduduk di petempatan pinggir laut keseluruhan baik dan mampu memastikan sisa domestik diurus secara lestari. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa kewujudan sisa domestik bukanlah berpunca daripada tingkah laku penduduk sepenuhnya, tetapi disumbangkan juga oleh faktor lain yang memerlukan kajian secara komprehensif serta perhatian daripada pelbagai pihak secara menyeluruh.





EFFECTS OF ATTITUDES, SUBJECTIVE NORMS AND PERCEPTIONS OF BEHAVIORAL CONTROL ON SUSTAINABLE DOMESTIC WASTE MANAGEMENT IN SEASIDE SETTLEMENTS OF KAMPUNG BUDAYA PASIR PUTIH, TAWAU

ABSTRACT

The purpose of this study is to evaluate the influence of attitudes, subjective norms, perceived behavioral control and intentions on sustainable domestic waste management among residents in coastal community. This study adapts the theory of planned behavior, originally formulated by Ajzen and further developed by Munro. A quantitative approach utilizing a survey method is employ for data collection. Respondents were chosen through a simple random sampling method, involving 110 heads of household residing within a 50 meter radius from the coastal area in Kampung Budaya Pasir Putih, Tawau. Questionnaire consisting of six sections with a total of 57 questions has been used as a study instrument. Data is analyze using descriptive and inferential methods. Descriptive analysis provide insights into the frequency distribution, the percentage of respondents background and the of each variable level. Whereas, inferential analysis employ correlation and regression analyses to uncover relationships between the variables. The findings indicate that residents exhibit high levels of attitudes ($\min=4.66$), subjective norms ($\min=4.28$), perceived behavioral control ($\min=4.46$) and implementation ($\min=4.40$). The finding also shows a strong and significant relationship between attitude ($r=0.618$) and perceived behavioral control ($r=0.632$), however subjective norms ($r=0.275$) exhibit a weaker relationship with intention to sustainably manage domestic waste. This study also finds that all variables have significantly influenced on the implementation of sustainable domestic waste management. In conclusion, the behavior of residents in coastal settlements is generally good and able to ensure that domestic waste is managed sustainably. The implications of this study show that the existence of domestic waste is not entirely caused by the behavior of the population, but is also contributed by other factors that require a comprehensive study and attention from various parties as a whole.





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
------------------	----

PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
--	-----

PENGHARGAAN	iv
--------------------	----

ABSTRAK	v
----------------	---

ABSTRACT	vi
-----------------	----

KANDUNGAN	vii
------------------	-----

SENARAI JADUAL	xi
-----------------------	----

SENARAI RAJAH	xiii
----------------------	------

SENARAI SINGKATAN	xiv
--------------------------	-----

BAB 1 PENDAHULUAN	
--------------------------	--

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang	4
1.3 Pernyataan Masalah	7
1.4 Objektif Kajian	12
1.5 Persoalan Kajian	13
1.6 Hipotesis Kajian	13
1.7 Kerangka Konseptual Kajian	14
1.8 Definisi Operasional	18
1.8.1 Sikap	18
1.8.2 Norma Subjektif	19





1.8.3	Persepsi Kawalan Tingkah Laku	19
1.8.4	Niat	19
1.8.5	Tingkah Laku	20
1.9	Limitasi Kajian	20
1.10	Kepentingan Kajian	21
1.11	Rumusan	22

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	23
2.2	Petempatan Pinggir Laut Di Malaysia	24
2.3	Pengurusan Sisa Domestik Dan Keperluan Menguruskan Secara Lestari Di Petempatan Pinggir Laut Di Malaysia	25
2.4	Teori Tingkah Laku Terancang	27
2.5	Tingkah Laku Pengurusan Sisa Domestik Lestari	31
2.6	Faktor Tingkah Laku Pengurusan Sisa Domestik Lestari	33
2.6.1	Sikap	33
2.6.2	Norma Subjektif	36
2.6.3	Persepsi Kawalan Tingkah Laku	38
2.6.4	Niat dan Tingkah Laku	41
2.7	Rumusan	42



BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	43
3.2	Reka Bentuk Kajian	44
3.3	Lokasi Kajian	45
3.4	Populasi dan Sampel Kajian	48
3.5	Instrumen Kajian	50
3.6	Kesahan Dan Kebolehpercayaan	52
3.7	Pengumpulan Data	56





3.8	Analisis Data	57
3.9	Rumusan	60

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	61
4.2	Latar Belakang Responden	62
4.3	Tahap sikap, norma subjektif dan persepsi kawalan tingkah laku penduduk terhadap pengurusan sisa domestik lestari di petempatan pinggir	71
4.3.1	Tahap sikap penduduk Kampung Budaya Pasir Putih, Tawau terhadap pengurusan sisa domestik lestari	71
4.3.2	Tahap norma subjektif penduduk Kampung Budaya Pasir Putih, Tawau terhadap pengurusan sisa domestik lestari	74
4.3.3	Tahap persepsi kawalan tingkah laku penduduk Kampung Budaya Pasir Putih, Tawau terhadap pengurusan sisa domestik lestari	77
4.3.4	Tahap pelaksanaan penduduk Kampung Budaya Pasir Putih, Tawau terhadap pengurusan sisa domestik lestari	79
4.4	Mengukur hubungan antara sikap, norma subjektif dan persepsi kawalan tingkah laku penduduk dengan niat untuk menguruskan sisa domestik secara lestari	80
4.4.1	Hubungan antara sikap penduduk dengan niat untuk menguruskan sisa domestik secara lestari	81
4.4.2	Hubungan antara norma subjektif penduduk dengan niat untuk menguruskan sisa domestik secara lestari	82
4.4.3	Hubungan antara persepsi kawalan tingkah laku penduduk dengan niat untuk menguruskan sisa domestik secara lestari	83
4.5	Menilai pengaruh sikap, norma subjektif, persepsi kawalan tingkah laku dan niat terhadap pelaksanaan pengurusan sisa domestik secara lestari dalam kalangan penduduk di petempatan pinggir laut	84
4.6	Rumusan	87

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	88
5.2	Ringkasan Kajian	89





5.3	Perkaitan Teori Tingkah Laku Terancang dengan Dapatan Kajian	91
5.4	Perbincangan Tentang Persoalan Kajian	93
5.4.1	Persoalan Kajian Pertama	93
5.4.2	Persoalan Kajian Kedua	97
5.4.3	Persoalan Kajian Ketiga	104
5.5	Implikasi Dapatan Kajian	106
5.5.1	Implikasi Teori	106
5.5.2	Implikasi Praktikal	108
5.6	Cadangan Kajian Akan Datang	110
5.7	Rumusan	112
	RUJUKAN	114





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.1 Jadual Krejcie dan Morgan (Krejcie & Morgan, 1970)	49
3.2 Instrumen Soal Selidik	51
3.3 Skala Likert Lima Mata	51
3.4 Nilai Julat Pekali Alpha Cronbach	54
3.5 Nilai Alpha Cronbach Setiap Konstruk Kajian Rintis	55
3.6 Interpretasi Tahap Skor Min	58
3.7 Nilai Pekali Kolerasi Pearson	59
4.1 Latar belakang responden berdasarkan jantina	63
4.2 Latar belakang responden berdasarkan umur	64
4.3 Latar belakang responden berdasarkan etnik	65
4.4 Latar belakang responden berdasarkan agama	66
4.5 Latar belakang responden berdasarkan tahap pendidikan	67
4.6 Latar belakang responden berdasarkan jumlah isi rumah	68
4.7 Latar belakang berdasarkan jarak rumah dari pinggir laut	70
4.8 Skor min dan sisihan piawai sikap	72
4.9 Nilai skor min dan sisihan piawai bagi item dimensi sikap	73
4.10 Skor min dan sisihan piawai norma subjektif	75
4.11 Nilai skor min dan sisihan piawai bagi item dimensi norma subjektif	76
4.12 Skor min dan sisihan piawai persepsi kawalan tingkah laku	77





- 4.13 Nilai skor min dan sisihan piawai bagi item dimensi persepsi kawalan tingkah laku 78
- 4.14 Keputusan ujian kolerasi bagi sikap dengan niat untuk menguruskan sisa domestik secara lestari 79
- 4.15 Keputusan ujian kolerasi bagi norma subjektif dengan niat untuk menguruskan sisa domestik secara lestari 82
- 4.16 Keputusan ujian kolerasi bagi norma subjektif dengan niat untuk menguruskan sisa domestik secara lestari 83
- 4.17 Keputusan ujian korelasi bagi norma subjektif dengan niat untuk menguruskan sisa domestik secara lestari 84
- 4.18 Keputusan ujian regresi bagi pengaruh sikap, norma subjektif, persepsi kawalan tingkah laku dan niat terhadap tingkah laku pengurusan sisa domestik secara lestari penduduk Kampung Budaya Pasir Putih, Tawau 85
- 4.19 Jadual ANOVA analisis regresi bagi pengaruh sikap, norma subjektif, persepsi kawalan tingkah laku dan niat terhadap tingkah laku pengurusan sisa domestik secara lestari penduduk Kampung Budaya Pasir Putih, Tawau 86





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Sampah yang terdapat sekitar kawasan kajian	11
1.2 Laporan akhbar tentang masalah sampah perkampungan pinggir laut di Tawau	12
1.3 Kerangka Konseptual Kajian	17
2.1 Teori Tingkah Laku Terancang (Ajzen, 1991)	28
2.2 Model Teori Tingkah Laku Terancang Adaptasi daripada Munro et al., (2007)	31
3.1 Kedudukan Daerah Tawau Dalam Peta Malaysia	46
3.2 Lokasi Kampung Budaya Pasir Putih, Tawau (Sumber “Google Map”)	47
3.3 Kedudukan Petempatan Kampung Budaya Pasir Putih, Tawau (Sumber “Google Map”)	47
4.1 Jantina responden	63
4.2 Kumpulan umur responden	64
4.3 Etnik responden	65
4.4 Tahap pendidikan responden	67
4.5 Jumlah isi rumah responden	68
4.6 Jarak rumah responden dari pinggir laut	69





SENARAI SINGKATAN

JKKK	Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung
JPS	Jabatan Pengairan dan Saliran
JPSPN	Jabatan Pengurusan Sisa Pejal Negara
Kg	Kampung
MPT	Majlis Perbandaran Tawau
NGO	Non Government Organisation
OWD	Our World in Data
PBB	Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu
PMR	Penilaian Menengah Rendah
PT 3	Penilaian Tingkatan Tiga
RMK-12	Rancangan Malaysia Ke-12
SDG	Sustainable Development Goal
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	Statistical Package for Social Science
SRP	Sijil Rendah Pelajaran
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
TPB	Theory of Planned Behaviour
3R	Recycle, Reuse, Reduce





BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Sampah merupakan sisa buangan yang dihasilkan oleh manusia yang tidak lagi diinginkan (Rahman, 2017). Manakala Mohd Anuar & Wahab (2015) menyatakan bahawa sampah atau sisa buangan yang bukan terdiri dari bahan cecair dan gas dikategorikan sebagai sisa pepejal. Berdasarkan Akta 672, Akta Pengurusan Sisa Pejal Dan Pembersihan Awam 2007 menjelaskan bahawa sisa pepejal merangkumi bahan atau benda yang telah rosak, lusuh, lebihan atau sudah tidak lagi diperlukan dan perlu dilupuskan. Sisa pepejal terkawal merangkumi pelbagai jenis sisa yang



dihadarkan dan sisa isi rumah merupakan salah satu yang termasuk dalam sisa pepejal terkawal atau juga disebut sisa domestik (JPSPN, 2020).

Peningkatan jumlah sisa domestik setiap tahun seiring dengan pertumbuhan penduduk dan perkembangan perbandaran telah memberi impak kepada alam sekitar dan manusia. Isu sisa domestik menjadi cabaran kepada setiap negara untuk menguruskan sisa pepejal tersebut dengan sistematik agar persekitaran terus terjaga. Pelbagai usaha dan perancangan telah dilakukan bagi menguruskan sisa domestik secara global hingga ke peringkat komuniti yang melibatkan pelbagai pihak (Rahman, 2017). Setiap negara perlu memainkan peranan masing-masing di samping kerjasama serantau dan penglibatan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dalam menangani isu pengurusan sisa domestik yang semakin kritikal.

Berdasarkan laporan *“Let’s Do It World”* tahun 2020, dianggarkan sebanyak 2.12 bilion tan sampah telah dihasilkan oleh manusia dan sampah-sampah tersebut kebanyakannya akan dibuang di pusat pelupusan sampah atau terus berada di persekitaran sama ada di darat atau sungai dan laut (Worldcleanupday, 2021). Di Malaysia, anggaran penghasilan sampah pada tahun 2022 adalah sebanyak 14 juta tan secara keseluruhannya yang melibatkan sampah yang dibuang di pusat pelupusan sampah sahaja dan tidak mengambil kira sampah yang dikitar semula (Hassan et al., 2021). Jumlah sampah yang sangat banyak ini memerlukan kos yang tinggi untuk diuruskan samada secara sanitari atau bukan sanitari. Di samping itu, terdapat cabaran juga untuk menguruskan sampah yang tidak dibuang secara sistematik seperti sampah yang hanyut di sungai dan laut (Johan et al., 2020).

Usaha dalam menguruskan alam sekitar secara lestari yang melibatkan tindakan manusia dapat dilihat dalam empat aspek, iaitu pengurusan hutan, air, tenaga dan sisa buangan (Yusof & Othman, 2010). Di samping itu, penggunaan

sumber secara tidak lestari telah menyumbang kepada peningkatan penghasilan sisa domestik dan menjadi masalah kerana sisa tersebut merupakan bahan yang sukar dilupuskan (Mustafa, 2019). Ekoran dari isu pengurusan sampah tersebut, pelbagai usaha dalam menguruskan sisa domestik secara lestari telah dilaksanakan dan sering ditambah baik bagi memastikan sampah dapat diuruskan dengan sebaiknya.

Namun begitu, tingkah laku manusia merupakan cabaran bagi memastikan usaha pengurusan sisa domestik secara lestari dapat dilaksanakan dengan sebaiknya. Hal ini kerana kekangan dalam pengurusan alam sekitar sangat dipengaruhi oleh tingkah laku seseorang individu dalam penggunaan sumber, penggunaan tenaga dan pengurusan sisa domestik (Marshall & Farahbakhsh, 2013; Swami et al., 2011). Oleh itu, usaha untuk menerapkan tingkah laku positif dalam pengurusan sisa lestari perlu sentiasa dilaksanakan bagi memastikan alam sekitar bebas dari masalah sampah terutama di kawasan petempatan.

Hal ini kerana sisa domestik yang dihasilkan oleh isi rumah menjadi penyumbang utama peningkatan jumlah sampah dan situasi lebih buruk lagi dengan terdapatnya kawasan petempatan yang masih kurang memuaskan dalam sistem pengurusan sisa domestik seperti yang dilaporkan dalam Dokumen Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) (*Economic Planning Unit*, 2021). Kelemahan pengurusan sisa domestik secara sistematik seperti kawasan petempatan pinggir laut telah mewujudkan masalah longgokan sisa domestik dipesisir pantai yang dibuang oleh penduduk sekitar. Antara punca-punca berlakunya pencemaran di kawasan pinggir laut adalah hasil dari aktiviti pembangunan, petempatan, rekreasi dan ekonomi di sekitar kawasan daratan yang hampir dengan pesisir pantai (Aiyub. K, 1997; Alias dan Tun Ismail, 2019). Manakala (Ibrahim et al., 2016) menjelaskan bahawa antara isu pengurusan sisa domestik di kawasan pinggir laut ialah sikap penduduk yang kurang



prihatin, masalah pengurusan, kekurangan sumber manusia dan kemudahan untuk menguruskan sisa domestik.

1.2 Latar Belakang

Isu pembuangan sampah terutama di kawasan pinggir laut merupakan cabaran global yang perlu ditangani sebaiknya kerana sampah yang hanyut di bawah oleh arus laut boleh merentasi sempadan dan menjadi masalah untuk menguruskannya (Wan Izatul Asma, 2019). Di samping itu sampah yang berada di kawasan laut juga menjadi ancaman kepada hidupan akuatik dan merosakkan pemandangan di sekitarnya. Menurut laporan “*Our World in Data*” (OWD), pada tahun 2010 sampah yang dibuang ke laut mencecah jumlah yang sangat tinggi iaitu 9.5 juta tan dan jenis sampah yang paling banyak ialah sampah plastik yang kebanyakannya dihasilkan oleh penduduk sekitar pinggir pantai (Ritchie & Roser, 2018; Ahmad, 2019). Malaysia merupakan negara yang berada di tempat kelapan menjadi penyumbang kepada peningkatan sampah jenis plastik di lautan (Ismail, 2018).

Secara keseluruhannya, penghasilan sisa domestik di Malaysia menunjukkan peningkatan yang ketara sejak tahun 2000 dengan jumlah sebanyak 9 juta tan sisa meningkat kepada 10.9 juta tan pada tahun 2010 dan peningkatan jumlah sisa pepejal kepada 15.6 juta tan pada 2020 ekoran peningkatan pembangunan urbanisasi dan perindustrian (Agamuthu & Victor, 2011). Manakala laporan pencapaian Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) mendapati bahawa penduduk Malaysia menghasilkan sisa dari tahun 2015 sebanyak 36,500 tan sehari telah meningkat kepada 38,150 tan sehari pada tahun 2018 (*Economic Planning Unit*, 2021). Sehingga tahun 2020, jumlah sisa yang dihasilkan dianggarkan sebanyak 14,426,731 tan dan dari jumlah tersebut



sebanyak 9,371,210 tan ada sisa domestik (Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 2022).

Kadar peningkatan penghasilan sisa domestik ini juga dipengaruhi oleh peningkatan kadar populasi di sesebuah kawasan yang menjadi tumpuan penduduk kerana peluang pekerjaan, kepelbagaiannya kemudahan, peluang ekonomi dan pembangunan serta urbanisasi (Minghua, et.al, 2009). Senario tersebut menunjukkan bahawa kemajuan sesebuah kawasan yang menjadi tumpuan masyarakat telah memberi kesan kepada peningkatan penghasilan sisa domestik.

Sampah yang tidak dibuang dengan betul dan teratur boleh menyebabkan masalah lain seperti limpahan ke kawasan sekitar seperti jalan raya dan parit berhampiran (Pattnaik & Reddy, 2010). Selain itu, longgokan sampah tersebut juga boleh mendatangkan kesan lain seperti menjadi tempat penyebaran penyakit bawaan vektor seperti lalat, tikus dan nyamuk aedes (Rahman, 2011). Keadaan ini pastinya juga memberi kesan negatif terhadap pemandangan di sekitar kawasan pembuangan sampah yang tidak teratur tersebut, pemandangan yang kotor dan berbau busuk serta air larut resap yang terhasil dari sampah akan mencemarkan alam sekitar. Kawasan yang berhampiran dengan punca air seperti sungai akan mengalami pencemaran yang boleh mengakibatkan kemasuhan kepada hidupan akuatik (Sakawi et al., 2017).

Tingkah laku pengurusan sampah secara lestari perlu dipupuk di kalangan penduduk yang mendiami kawasan pinggir laut agar mempunyai rasa tanggungjawab dan prihatin terhadap ancaman sampah di kawasan sekitarnya. Sikap positif yang ditunjukkan dalam melaksanakan pengurusan sisa domestik dengan menguruskan sampah secara lestari seperti mengamalkan konsep 3R, membuang sampah ke tempat pengumpulan sampah dan membersihkan serta mengumpul sampah sedia

ada di sekitar kawasan kediaman dan pinggir laut akan mempengaruhi tingkah laku ke arah pengurusan sisa domestik lestari.

Di samping itu, pengaruh norma subjektif ke atas penduduk melalui tekanan dan pengaruh daripada masyarakat, pihak berkuasa serta galakan berupa motivasi untuk menguruskan sisa domestik secara lestari. Galakan seperti menukar sisa domestik yang boleh dikitar semula dengan wang ringgit akan mempengaruhi tingkah laku penduduk untuk menguruskan sisa domestik secara lestari. Di samping motivasi dan pendedahan dari pihak berkuasa tentang kepentingan mengurus sisa domestik.

Sementara itu, melalui kawalan persepsi tingkah laku akan menunjukkan keupayaan penduduk untuk melaksanakan atau tidak dalam menguruskan sisa domestik secara lestari. Penduduk yang mempunyai pengetahuan dan kesedaran dalam penjagaan alam sekitar akan menunjukkan keinginan untuk mengambil tindakan yang positif dalam isu pengurusan sisa domestik.

Justeru, tingkah laku pengurusan sisa domestik lestari penduduk kawasan pinggir laut dapat digambarkan melalui model Teori Tingkah Laku Terancang (TPB) dengan menunjukkan niat atau keinginan terhadap isu pembuangan sisa domestik melalui sikap, norma subjektif dan persepsi kawalan tingkah laku.

Kajian ini akan dijalankan di Kampung Budaya Pasir Putih, Tawau kerana kampung ini merupakan salah satu kawasan yang telah dikenalpasti oleh pihak berkuasa tempatan (Majlis Perbandaran Tawau) yang mempunyai masalah pengurusan sisa domestik. Beberapa laporan akhbar juga telah melaporkan bahawa perkampungan yang dibina di kawasan pinggir laut sama ada setinggan atau pun sah mempunyai masalah pengurusan sampah yang perlu diberi perhatian semua oleh pihak (Daineh, 2018).



1.3 Pernyataan Masalah

Pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi mengatasi masalah pengurusan sisa domestik secara lestari agar dapat mengatasi masalah peningkatan sisa yang meningkat saban tahun. Berdasarkan laporan Bank Dunia pada tahun 2016, kadar jumlah sisa domestik adalah sebanyak 2.01 bilion tan dan jangkaan akan meningkat kepada 3.4 bilion tan menjelang tahun 2050 (Baharudin & Aziz, 2020). Keadaan ini telah mendapat perhatian daripada pihak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) melalui resolusi Agenda Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) yang menetapkan 17 matlamat ke arah pembangunan lestari dunia (United Nations, 2019). Dalam agenda SDG tersebut, antara matlamat yang ingin dicapai dengan melakukan aktiviti pengurusan sisa secara lestari terkandung dalam matlamat ke-12 dan ke-14.



Di Malaysia, tumpuan bagi menguruskan sisa domestik secara lestari telah diberi perhatian dengan serius melalui penubuhan Jabatan Pengurusan Sisa Pejal Negara (JPSPN) pada tahun 2007 yang berfungsi sebagai pengawal selia dalam mencadangkan, merancang dan mengatur strategi berkaitan urusan sisa pepejal dan pembersihan awam. Menerusi Dasar Sisa Pejal Negara tahun 2016, garis panduan telah dikeluarkan bagi mewujudkan sistem pengurusan sisa domestik secara menyeluruh dan lestari agar dapat membantu masyarakat mengurus sisa domestik dengan lebih efektif dan lestari (JPSPN, 2015, 2020). Melalui dasar yang telah diwujudkan oleh pihak kerajaan, seharusnya masyarakat mempunyai sikap dan kesedaran dalam memastikan kebersihan persekitaran dapat dijaga dengan sebaiknya. Sisa domestik diurus dengan lebih sistematik dan mapan demi menjaga kelestarian alam sekitar.





Di samping itu, melalui sistem pendidikan negara juga telah menekankan tentang pemahaman dan kesedaran terhadap kepentingan memelihara dan memulihara alam sekitar yang dilaksanakan di institusi pendidikan. Aspek pembangunan lestari yang diajar di sekolah adalah diharapkan dapat memberi pemahaman dan kesedaran yang baik kepada para pelajar khususnya dan masyarakat amnya dalam hal berkaitan penjagaan alam sekitar. Didikan melalui pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah dan norma amalan praktikal melalui aktiviti penjagaan alam sekitar mampu melahirkan generasi yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar.

Namun begitu, masalah pengurusan sisa secara lestari masih menjadi cabaran ekoran peningkatan sisa domestik yang dihasilkan oleh masyarakat semakin meningkat saban tahun. Hal ini dipengaruhi oleh peningkatan populasi penduduk dan keperluan masyarakat seperti makanan dan barang asas yang menyumbang kepada penghasilan sisa domestik seperti plastik, botol, kotak dan kertas. Selain itu aktiviti pembuangan sampah yang tidak sistematik telah memberi impak negatif terhadap alam sekitar dan mencacatkan pemandangan serta menyumbang kepada penyebaran penyakit bawaan vektor seperti nyamuk, lalat, tikus dan lipas (Hashim et al., 2011; Mamat & Mohd Najib, 2020).

Beberapa kawasan petempatan pinggir laut yang terdapat di Daerah Tawau telah dikenalpasti oleh pihak Majlis Perbandaran Tawau (MPT) mengalami masalah pengurusan sisa domestik. Sampah yang dibuang terus ke kawasan pinggir laut mengakibatkan kawasan kediaman penduduk dan pinggir laut di penuhi dengan sampah sarap. Berdasarkan kepada laporan akhbar mendapati bahawa sebilangan besar penduduk di pinggir laut di Tawau tidak tahu menguruskan sisa domestik dengan baik (Daineh, 2018). Beberapa kawasan petempatan telah dikenalpasti oleh pihak MPT yang mengalami masalah pengurusan sisa domestik, khususnya di





kawasan pinggir laut dengan menaikkan papan tanda amaran dan larangan membuang sampah di kawasan pinggir laut.

Kampung Budaya Pasir Putih, Tawau merupakan salah satu kawasan petempatan yang dikenalpasti mempunyai masalah pengursuran sisa domestik. Penduduk yang kurang menitikberatkan pengurusan sisa domestik secara lestari telah menyebabkan timbunan sampah sarap yang dibuang terus di sekitar kawasan kediaman dan tidak diurus dengan baik (Majlis Perbandaran Tawau). Situasi ini menjadi lebih buruk lagi kerana kedudukan petempatan yang berada di kawasan pinggir laut, mengakibatkan sampah sarap yang dibuang akan terdampar di pesisiran laut dan ada yang hanyut ke laut di bawah arus ombak. Di samping kesan lain seperti pencemaran bau, mencacatkan pemandangan, mengundang binatang seperti tikus, lipas dan lalat serta pencemaran air laut yang boleh mengganggu ekosistem pinggir laut seperti dalam Rajah 1.1.

Di samping itu, beberapa kajian sarjana tentang persepsi masyarakat berkaitan pengurusan sisa secara lestari mendapati bahawa tahap kesedaran dan pengetahuan adalah baik namun tahap penglibatan masih lagi rendah (Mohamed Elias et al., 2016). Berbeza dengan beberapa negara yang telah berkembang maju dalam usaha pengurusan sisa lestari seperti Finland, Jerman, Belanda dan Jepun (Seow, 2016). Penglibatan komuniti setempat yang kurang berminat dengan program pengurusan sisa secara lestari perlu di atasi melalui program dan libat sama agar usaha melestarikan alam sekitar dapat dicapai (Rahman, 2017).

Dalam kajian Ibrahim et al., (2016) berkaitan isu pengurusan sisa di Pulau Pangkor mendapati amalan pengurusan sisa secara lestari tidak dilaksanakan kerana dipengaruhi oleh sikap penduduk dengan membuang sampah merata-rata di sekitar pinggir laut. Hal ini kerana kurangnya rasa tanggungjawab terhadap alam sekitar dan



terdapat segelintir masyarakat yang kurang pengetahuan untuk mengurus sisa domestik secara lestari. Selain itu, masalah kekurangan sumber manusia dan kemudahan yang terhad menyebabkan sampah yang dibiarkan berselerakan di sekitar pinggir laut. Dapatan ini juga sama dengan Hashim et al., (2011) yang mendapati bahawa sikap penduduk dan pelancong yang membuang sampah merata-rata di sekitar Pulau Pangkor menjadikan kekangan dalam menguruskan sisa domestik secara lestari di samping masalah pengurusan akibat kawasan pelupusan dan peralatan yang terhad.

Di samping itu, kewujudan petempatan yang dibina di atas air sekitar kawasan pinggir laut juga menjadi cabaran dalam menguruskan sisa domestik secara lestari. Penduduk yang membina petempatan atas air lebih suka membuang sampah sarap terus ke laut dan keadaan ini akan menyebabkan persekitaran kawasan kediaman akan dipenuhi sampah (Bakeri & Ariff, 2004). Keadaan ini dipengaruhi oleh sikap dan persekitaran yang dipenuhi dengan sampah sarap ekoran kekurangan kemudahan seperti tempat pengumpulan sampah. Situasi ini hampir sama dengan permasalahan yang wujud di Kampung Budaya Pasir Putih, Tawau iaitu masalah sampah yang wujud di sekitar kawasan kediaman penduduk.

Dalam beberapa kajian lepas mendapati faktor sikap, kemudahan dan masalah pengurusan menjadi punca yang mempengaruhi dalam masalah pengurusan sisa domestik secara lestari di kawasan petempatan pinggir laut. Kurang kajian yang memfokuskan kepada tingkah laku masyarakat dalam isu-isu berkaitan sisa domestik terutama yang melibatkan petempatan di pinggir laut.

Oleh itu, dalam kajian ini akan melihat faktor sikap, norma subjektif dan persepsi kawalan tingkah laku masyarakat yang tinggal di kawasan pinggir laut serta pengaruhnya terhadap pelaksanaan pengurusan sisa domestik secara lestari.

Perubahan tingkah laku masyarakat terhadap pengurusan sisa secara lestari dapat dikenal pasti melalui penerimaan dan amalan seseorang dalam menguruskan sisa secara lestari (Zulkifli et al., 2015). Faktor tingkah laku terancang dapat menggambarkan tahap pelaksanaan pengurusan sisa domestik secara lestari terhadap penduduk yang tinggal di kawasan petempatan pinggir laut di Kampung Budaya Pasir Putih, Tawau.



Rajah 1.1. Sampah yang terdapat sekitar kawasan kajian



Rajah 1.2. Laporan akhbar tentang masalah sampah perkampungan pinggir laut di Tawau

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah, seperti berikut ;

- i. Mengenal pasti tahap sikap, norma subjektif, persepsi kawalan tingkah laku dan pelaksanaan penduduk terhadap pengurusan sisa domestik lestari di petempatan pinggir laut.
- ii. Mengukur hubungan antara sikap, norma subjektif dan persepsi kawalan tingkah laku penduduk dengan niat untuk menguruskan sisa domestik secara lestari.

- iii. Menilai pengaruh sikap, norma subjektif, persepsi kawalan tingkah laku dan niat terhadap pelaksanaan pengurusan sisa domestik secara lestari dalam kalangan penduduk di petempatan pinggir laut.

1.5 Persoalan Kajian

- i. Apakah tahap sikap, norma subjektif, persepsi kawalan tingkah laku dan pelaksanaan penduduk terhadap pengurusan sisa domestik lestari di petempatan pinggir laut?
- ii. Adakah terdapat hubungan antara sikap, norma subjektif dan persepsi kawalan tingkah laku penduduk dengan niat untuk menguruskan sisa domestik secara lestari di petempatan pinggir laut?
- iii. Adakah sikap, norma subjektif, persepsi kawalan tingkah laku dan niat mempengaruhi pelaksanaan pengurusan sisa domestik secara lestari dalam kalangan penduduk di petempatan pinggir laut?

1.6 Hipotesis Kajian

- Ho1 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sikap penduduk dengan niat untuk menguruskan sisa domestik secara lestari di petempatan pinggir laut.



- Ho2 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara norma subjektif penduduk dengan niat untuk menguruskan sisa domestik secara lestari di petempatan pinggir laut.
- Ho3 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi kawalan tingkah laku penduduk dengan niat untuk menguruskan sisa domestik secara lestari di petempatan pinggir laut.
- Ho4 Tidak terdapat pengaruh yang signifikan oleh sikap, norma subjektif, persepsi kawalan tingkah laku dan niat terhadap pelaksanaan pengurusan sisa domestik secara lestari dalam kalangan penduduk.



1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konsep kajian ini dibentuk berdasarkan beberapa pembaharuan yang wujud untuk menjelaskan tentang kajian ini. Kerangka konsep adalah merupakan suatu rantaian maklumat untuk menjelaskan sesuatu perkara dan memberi gambaran tentang haluan serta proses kajian dijalankan berdasarkan permasalahan kajian yang akan dikaji (Nicholas, 2010; Chua, 2014; Mat Rabi, 2021). Kajian ini dijalankan menggunakan Teori Tingkah Laku Terancang (TPB) yang diasaskan oleh Ajzen (1991) yang telah diberi beberapa penambahan oleh Munro et al. (2007) sebagai sumber rujukan untuk mengkaji tentang tingkah laku pelaksanaan pengurusan sisa lestari. TPB sering digunakan oleh para sarjana untuk menerangkan tentang tingkah laku pengguna, perlakuan serta kecenderungan individu terhadap sesuatu perkara (Mohamed Elias et al., 2016; Nor Kalsum, 2016).





Berdasarkan Rajah 1.3, pemboleh ubah tidak bersandar terhadap pengurusan sisa lestari di kalangan penduduk ialah sikap, norma subjektif dan persepsi kawalan tingkah laku. Menurut Ajzen (1991), sikap adalah tentang perilaku seseorang dan norma subjektif pula adalah tekanan sosial yang diberikan terhadap seseorang untuk melakukan sesuatu tingkah laku serta cenderung untuk melaksanakannya manakala persepsi kawalan tingkah laku pula adalah persepsi seseorang untuk melakukan sesuatu dengan mudah atau sebaliknya.

Berdasarkan teori TPB ini, faktor sikap diukur berdasarkan sub item kepercayaan hasil tingkah laku dan sub item penilaian hasil yang dijangka (Ajzen, 1991; Munro et al., 2007). Dalam kajian ini, sikap merujuk kepada kepercayaan untuk melakukan tingkah laku pengurusan sisa secara lestari dan menilai hasil dari tingkah laku tersebut samada positif atau negatif untuk menunjukkan keinginan atau niat untuk

05-4506832

melakukan pengurusan sisa secara lestari.

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi

Manakala norma subjektif diukur berdasarkan sub item kepercayaan normatif yang berdasarkan kepada tekanan sosial atau dorongan dari persekitaran dan galakan serta sub item motivasi yang diberikan untuk mempengaruhi tingkah laku pengurusan sisa secara lestari. Kepercayaan normatif merujuk kepada tekanan sosial dari kalangan keluarga, komuniti, masyarakat atau organisasi yang terdapat di sekeliling untuk melakukan pengurusan sisa secara lestari di samping galakan dan inisiatif sebagai motivasi bagi mempengaruhi niat seterusnya melakukan pengurusan sisa secara lestari (Ajzen, 1991; Mohamed Elias et al., 2016; Mustafa, 2019).

Bagi persepsi kawalan tingkah laku pula, pengukuran dilakukan berdasarkan kepada sub item keupayaan dan kawalan untuk bertindak. Keupayaan dan kawalan ini merujuk kepada persepsi penilaian sama ada sukar atau mudah untuk melakukan pengurusan sisa secara lestari. Kemampuan untuk menguruskan sisa secara lestari



akan mempengaruhi keinginan atau niat tingkah laku seseorang (Ajzen, 1991; Mustafa, 2019).

Berdasarkan ketiga-tiga faktor sikap, norma subjektif dan persepsi kawalan tingkah laku tersebut ianya mempunyai perkaitan antara satu sama lain untuk meggambarkan tingkah laku seseorang (Nor Kalsum, 2016). Berdasarkan boleh ubah tidak bersandar tersebut, tingkah laku dalam pengurusan sisa domestik secara lestari dalam kalangan penduduk Kampung Budaya Pasir Putih, Tawau dapat dijelaskan.

Manakala boleh ubah bersandar pula ialah tingkah laku penduduk untuk melaksanakan pengurusan sisa domestik secara lestari. Pengurusan sisa domestik secara lestari merangkumi strategi untuk memelihara dan memulihara alam sekitar, penjimatan dari aspek sumber, menjana dan mempelbagaikan sumber ekonomi di samping mengurangkan ancaman dari pencemaran terhadap masyarakat (Mohd Nazaruddin & Kamarudin, 2014). Melalui pengurusan sisa secara lestari, kesihatan dan keselamatan masyarakat dapat dijaga, alam sekitar akan sentiasa dipelihara dan dipulihara, pengurangan kebergantungan sumber alam dan dapat menjaga keindahan persekitaran (Rahman, 2017).

Pelbagai kaedah yang boleh dilakukan untuk menguruskan sisa domestik secara lestari, antaranya melalui amalan 3R iaitu mengurangkan (*Reduce*), menggunakan semula (*Reuse*) dan mengitar semula (*Recycle*), pengasingan sampah di rumah, amalan sifar sampah dan membuang sampah di tempat yang sepatutnya (Baharudin & Aziz, 2020; Rahman, 2017; Zulkifli et al., 2015; Mustafa, 2019; ZWIA, 2004). Berdasarkan kepada kaedah pengurusan sisa secara lestari tersebut, masalah sampah sarap dapat di atasi seterusnya dapat mejamin kesihatan, keselamatan dan keselesaan kepada masyarakat.

Berhubung dengan permasalahan sampah sarap di Kampung Budaya Pasir Putih, Tawau didapati penduduk kurang prihatin dengan pengurusan sampah secara lestari. Penduduk yang tinggal di sekitar pinggir laut didapati membuang sampah terus ke laut dan sekitar pinggir laut. Selain itu, tindakan membuang sampah tanpa menilai sama ada boleh dikitar semula atau diguna semula menyebabkan timbunan sampah semakin banyak di sekitar pinggir laut dan ada yang hanyut dibawah arus ombak ke tengah laut. Kebanyakkan sampah yang dibuang seperti beg plastik, botol plastik, botol kaca, kertas, kotak, tayar, sisa kayu, perabot yang rosak, sisa makanan dan banyak lagi. Keadaan ini mengundang kepada masalah kesihatan, keselamatan dan kebersihan di samping menjadikan persekitaran dengan mengundang berlakunya pencemaran dan gangguan ekosistem pinggir laut.



Rajah 1.3. Kerangka Konseptual Kajian



1.8 Definisi Operasional

Kajian ini dijalankan berdasarkan definisi operasional berikut yang bertujuan menjelaskan tentang istilah yang digunakan untuk memberi kefahaman kepada pembaca. Bagi kajian ini tingkah laku pengurusan sisa secara lestari didasari dengan niat untuk melakukan dengan di pengaruhi oleh sikap, norma subjektif dan persepsi kawalan tingkah laku.

1.8.1 Sikap



Sikap merujuk kepada kepercayaan individu tentang hasil dari tingkah laku yang dilaksanakan dan penilaian terhadap jangkaan hasil akibat daripada tingkah laku yang dilakukan. Sikap individu cenderung mempengaruhi tingkah laku pengurusan sisa secara lestari (Ajzen, 2005; Alias & Tun Ismail, 2019) .





1.8.2 Norma Subjektif

Norma subjektif pula melihat kepada kepercayaan normatif dan motivasi yang dipengaruhi oleh persekitaran dan tekanan dari orang lain untuk melakukan tingkah laku pengurusan sisa secara lestari (Ajzen, 1991; Mustafa, 2019).

1.8.3 Persepsi Kawalan Tingkah Laku

Persepsi kawalan tingkah laku merujuk kepada tanggapan terhadap seseorang individu tentang kemampuan untuk melakukan tingkah laku pengurusan sisa secara lestari (Ajzen & Cote, 2008; Alias & Tun Ismail, 2019).

1.8.4 Niat

Niat merujuk kepada keinginan seseorang individu untuk melakukan tingkah laku pengurusan sisa secara lestari yang di pengaruhi oleh sikap, norma subjektif dan persepsi kawalan tingkah laku (Ajzen, 2002; Munro et al., 2007; Ajzen & Cote, 2008).





1.8.5 Tingkah Laku

Tingkah laku adalah hasil niat untuk membuat tindakan yang dilakukan oleh seseorang dengan menunjukkan tingkah laku untuk melaksanakan pengurusan sisa secara lestari (Ajzen, 1991; Mustafa, 2019).

1.9 Limitasi Kajian

Terdapat beberapa limitasi dalam menjalankan kajian ini, antaranya ialah lokasi kajian hanya tertumpu di Kampung Budaya Pasir Putih, Tawau yang merupakan sebuah petempatan pinggir laut. Responden yang terlibat adalah di dalam kalangan penduduk yang mendirikan rumah sekitar radius 50 meter dari kawasan pinggir laut dan melibatkan sekitar 110 orang responden sahaja. Selain itu, limitasi lain seperti kejujuran dan kesediaan responden untuk menjawab soal selidik yang diedarkan akan menjadi cabaran kepada pengkaji.

Kajian ini memfokuskan kepada faktor tingkah laku yang mempengaruhi penduduk dalam menguruskan sisa domestik secara lestari dengan melihat kepada sikap, norma subjektif, persepsi kawalan tingkah laku dan niat untuk melakukan pengurusan sisa domestik secara lestari.





1.10 Kepentingan Kajian

Hasil dari kajian ini yang berkaitan dengan tingkah laku penduduk yang tinggal di kawasan pinggir laut khususnya di Kampung Budaya Pasir Putih, Tawau terhadap pelaksanaan pengurusan sisa secara lestari adalah diharapkan dapat memberi maklumat tentang senario kaedah penduduk dalam menguruskan sampah mereka.

Seterusnya dapat memberi gambaran tentang tingkah laku penduduk dalam menguruskan sisa domestik yang di pengaruhi oleh faktor sikap, norma subjektif dan persepsi kawalan tingkah laku. Di samping itu dapat mengetahui pandangan penduduk dalam menjaga alam sekitar, terutama di kawasan pinggir laut dan penerapan tingkah laku positif dalam menguruskan sisa secara lestari dapat diwujudkan dalam kalangan penduduk kampung agar lebih bertanggungjawab dalam menjaga alam sekitar dan tahu kelebihan sekiranya menguruskan sisa domestik mereka secara lestari.

Selain itu, hasil dari kajian ini juga diharapkan dapat membantu pihak Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) untuk merangka dan merancang program penjagaan alam sekitar terutama di kawasan pinggir laut dan mengatur strategi dalam pengurusan sisa domestik secara lestari. Di samping itu, dapat membantu pihak berkuasa tempatan dalam merancang dan menyediakan keperluan kepada penduduk kampung dalam pengurusan sisa secara lestari, seperti kempen kesedaran, program menguruskan sisa domestik dan penyediaan kemudahan-kemudahan lain.





1.11 Rumusan

Secara kesimpulannya, dalam bab ini telah menjelaskan tentang latar belakang, pernyataan masalah kajian berkaitan pengurusan sisa secara lestari. Di samping itu, objektif kajian, persoalan kajian dan hipotesis telah dibentuk untuk mencapai tujuan kajian ini dijalankan. Seterusnya bab ini juga menyentuh tentang kerangka konseptual dan definisi operasional dijelaskan secara umum. Akhirnya beberapa limitasi dan kepentingan kajian dijelaskan dalam bab ini. Perbincangan pada bab seterusnya adalah lebih memfokuskan kepada teori dan beberapa kajian lepas yang digunakan sebagai panduan dalam menjalankan kajian ini.

